



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 62**

**17hb Januari 2019**

**No. 2**

---

---

**No. 4.**

**KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Brijnandan Singh a/l Gurcharan Singh yang beralamat di 54, Changkat Minden Jalan 1, 11700 Gelugor, Pulau Pinang penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis pada hari Selasa, 5 Mac 2019 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Oran. No. Lot—999. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 612. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 2466/1990, Jilid 6, Folio 60 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 Disember 2018  
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2243A(14)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

**No. 5.**

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
(Akta 486)  
(Seksyen 8)

## PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

## Pembetulan

Jadual kepada Pembetulan *Warta* No. 1 Jilid 60 yang disiarkan pada 5 Januari 2017 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan:

## JADUAL

## Mukim—Kayang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil
	MBI		Hektar	Hektar
P.T. 1844	00		0.0348	0.0348

Pindaan tersebut hendaklah dianggap telah mula berkuat kuasa pada 5 Januari 2017.

Dengan perkataan-perkataan yang berikut:

## Mukim—Kayang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil
	H.S.M.		Hektar	Hektar
P.T. 1618	1449	Daud bin Budin 1/1 bhg.	0.5834	0.0348

---

---

Pindaan tersebut hendaklah dianggap telah mula berkuat kuasa pada 5 Januari 2017.

Bertarikh 11 November 2016  
[JKPTG.Ps.(R)(UPT) 909]

MAWAR BINTI AWANG  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA